

24/06/1997

Havelange puji komitmen Malaysia

KECEMERLANGAN menganjurkan Kejohanan Belia Dunia Piala Fifa/Coca-Cola yang sedang berlangsung, membuktikan Malaysia berupaya menganjurkan sukan bertaraf dunia.

Presiden Persekutuan Bola Sepak Antarabangsa (Fifa), Datuk Dr Joao Havelange, menyandarkannya kepada usaha gigih Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) memastikan segala-galanya berjalan lancar.

"Pegawai FAM dan rakyat Malaysia sudah berusaha dengan bersungguh-sungguh bagi memastikan kejohanan bola sepak berprestij yang diadakan di negara ini, berjaya dilaksanakan.

"Ini membuktikan Malaysia mampu mengendalikan kejohanan sukan bertaraf dunia dan antaranya ialah Sukan Komanwel pada 1998," katanya kepada pemberita selepas mengunjungi Presiden FAM, Sultan Ahmad Shah, di Istana Abu Bakar di Pekan, semalam.

Turut mengiringinya ialah Timbalan Presiden FAM, Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah, Setiausaha Agung Gabungan Bola Sepak Asia (AFC), Datuk Peter Velappan, dan Menteri Besar, Tan Sri Mohd Khalil Yaakob.

Havelange berkata Malaysia menunjukkan minat besar untuk memastikan kemajuan sukan negara dengan mewujudkan banyak kemudahan sukan, termasuk pembinaan Stadium Bukit Jalil khusus untuk Sukan Komanwel.

Sultan Ahmad Shah pula berkata FAM berterima kasih kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang memberi sokongan padu supaya Malaysia menjadi tuan rumah kejohanan bola sepak dunia ini.

Selain itu, katanya, kejayaan itu juga hasil kerjasama Menteri Besar dan Ketua Menteri di negeri yang menyediakan stadium bagi kejohanan berkenaan.

(END)